

**PARLIMEN
MALAYSIA**

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan
Jawab Lisan Harian Yang Tidak
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARI RABU: 8 DISEMBER 2010

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LIS AN YANG TID AK DAP AT DI JAWAB DIDALAM
DEWAN (SOALAN NO. 10,12 HINGGA 42)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 DAN 11
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

to'10

SJ.B/

(95)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]**

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 08.12.2010

**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan:-**

- (a) pencapaian pelaburan dan pulangan dari pelaburan oleh Syarikat Venture Capital kepunyaan Kementerian; dan
- (b) berapa ramaikah pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam syarikat berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat buah syarikat modal teroka yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP), Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), Kumpulan Modal

Perdana Sdn Bhd (KMP) dan Cradle Fund Sdn Bhd (CFSB). Manakala Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) dimiliki oleh Khazanah Nasional Bhd.

Pencapaian pelaburan dan pulangan dari pelaburan oleh syarikat modal teroka tersebut ialah seperti berikut:

| Syarikat | Jumlah Pelaburan (RM Juta) | Bilangan Syarikat | Jumlah Pulangan (RM Juta) |
|----------|----------------------------|-------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| MAVCAP | 616.3 | 121 | 99.4 |
| MDV | 4,377.0 | 250 | 463.7 |
| KMP | 159.5 | 39 | 12.9 |
| MTDC | 289.0 | 22 | 10.6 |
| CFSB | 42.4 | 428 | CFSB bukan berorientasi keuntungan tetapi bertanggungjawab mentransformasikan idea berasaskan teknologi baru kepada "commercially viable ventures" |

(b) Bilangan pegawai dan kakitangan bagi setiap syarikat modal teroka di atas ialah seperti berikut:

| Syarikat | Pengurusan | Eksekutif | Bukan Eksekutif | Jumlah |
|----------|------------|-----------|-----------------|--------|
| MAVCAP | 7 | 28 | 4 | 39 |
| MDV | 22 | 47 | 14 | 83 |
| KMP | 5 | 3 | 4 | 12 |
| MTDC | 20 | 46 | 22 | 88 |
| CFSB | 17 | 12 | 0 | 29 |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

Jawab Lisan

**TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [
BALING]**

TARIKH

Rabu, 8 Disember 2010

SOALAN

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling
] minta MENTERI LUAR NEGERI**

menyatakan apakah kebelakangan ini timbul keadaan ketidakharmonian hubungan antara negara-negara jiran seperti yang berlaku di Indonesia, Singapura, Selatan Thailand dan pergolakan di Filipina mendorong kepada peranan negara-negara ASEAN dikaji semula.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B [Baling] bersama soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

- Y.B. [Gombak] bertarikh 9 Disember 2010
- Y.B. [Indera Mahkota] bertarikh 14 Disember 2010

kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan-soalan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam konteks memelihara dan meningkatkan hubungan antara Malaysia dengan negara-negara jiran, Kerajaan terus member! perhatian utama kepada usaha-usaha untuk menyelesaikan isu-isu yang tertunggak dan yang mungkin timbul dari masa ke semasa. Kerajaan sentiasa komited untuk mendapatkan penyelesaian yang harmonis melalui pendekatan diplomasi dan proses rundingan dua hala di samping mengambil kira semangat kerjasama dan integrasi ASEAN.

4. Untuk makluman Dewan yang mulia, Malaysia memberikan penekanan yang paling utama kepada negara-negara anggota ASEAN dalam dasar luarnya. Dalam hal ini, Malaysia akan terus mengamalkan prinsip ASEAN seperti menghormati kedaulatan sesebuah negara, keutuhan wilayah, tidak campur tangan dalam urusan dalaman sesebuah negara dan identiti nasional yang digariskan dalam dokumen- dokumen

asas ASEAN seperti Deklarasi Bangkok, Titi Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara dan Piagam ASEAN. Malaysia percaya prinsip-prinsip tersebut mampu mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

5. Malaysia yakin ini merupakan langkah terbaik untuk mencapai penyelesaian secara aman selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam ASEAN.

6. Sehubungan dengan itu, Malaysia masih belum bercadang untuk mengkaji semula peranannya di dalam ASEAN serta hubungannya dengan Negara-Negara Anggota lain dalam pertubuhan tersebut. Tidak dapat dinafikan, ketegangan yang wujud antara Negara-Negara Anggota ASEAN mampu menjejaskan kredibiliti ASEAN di mata masyarakat antarabangsa. Namun begitu, ketegangan yang wujud antara Negara- Negara Anggota ASEAN adalah merupakan masalah dalaman negara- negara yang berkaitan dan ini tidak akan menjejaskan hubungan kerjasama sedia ada dalam ASEAN. Dalam hal ini, Malaysia sentiasa berdiri teguh dibelakang prinsip ASEAN dalam menyelesaikan pertelingkahan di kalangan Negara-Negara Anggota ASEAN secara aman.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)

TARIKH 8 DISEMBER 2010
SOALAN 13

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN

menyatakan:-

- (a) mengapakah dan apa sebab pihak MAS kerap menaik harga tambang;
dan
- (b) berapa peratuskah kadar kenaikan tambang yang dibenarkan sejak tahun
2005 hingga kini dan berapakah keuntungan yang dicatatkan oleh MAS
setakat ini.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Syarikat-syarikat penerbangan Negara termasuk MAS telah diberikan
kebebasan dalam menentukan kadar tambang yang ingin ditawarkan,
bergantung kepada keadaan ekonomi semasa serta faktor-faktor lain seperti
harga bahan api yang tidak menentu dan kos operasi yang kian meningkat.

Dalam hubungan ini, menurut MAS, berikutan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 2009, pihaknya terpaksa menurunkan kadar tambang secara mendadak untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan udara. Harga yang ditawarkan tersebut sebenarnya tidak dapat menampung kos operasi dan ini telah mengakibatkan penurunan kadar '*yield*' ke tahap yang amat rendah. Sehubungan itu, MAS terpaksa menaikkan semula tambang apabila keadaan ekonomi bertambah baik untuk menampung kos operasi. Kadar '*yield*' juga perlu dipulihkan untuk memastikan MAS boleh terus beroperasi tanpa menanggung kerugian.

- (b) Kerajaan, pada masa ini tidak lagi mengawal selia penetapan kadar tambang yang dibuat oleh syarikat penerbangan. Ia merupakan keputusan komersial syarikat yang dibuat berdasarkan kepada kadar pasaran semasa, keadaan ekonomi dan faktor-faktor lain seperti kadar harga minyak semasa. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memantau perkara ini dan akan masuk campur sekiranya didapati berlakunya *predatory pricing* di antara syarikat penerbangan. Sehubungan itu, tidak timbul persoalan berhubung peratus kadar kenaikan tambang yang dibenarkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung soalan tentang jumlah keuntungan MAS setakat ini, adalah dimaklumkan bahawa setelah mengalami kerugian sebanyak RM1,523 juta bagi tempoh April - Disember tahun 2005, MAS telah berjaya mencatatkan keuntungan sebanyak RM136 juta pada tahun 2006. Pada tahun 2007, MAS telah mencatatkan peningkatan dalam keuntungannya, iaitu sebanyak RM852 juta. Walau bagaimanapun, keuntungan tersebut telah menurun pada tahun 2008 iaitu kepada RM244 juta. Pada tahun 2009, MAS telah berjaya meningkatkan keuntungannya kepada RM487 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN R A KYAT

PERTANYAAN

LISAN

Y.B. DARIPADA

TUAN SIM TONG HIM

[KOTA MELAKA]

TARIKH

8

DISEMBER

2010

Meminta

MENTERI

SOALAN

PELANCONGAN

mersyatakan:

Bilangan pelakon dan artis tempatan dan luar negara yang berkhidmat untuk mempromosikan negara kita;

- a) Nyatakan upah atau bayaran untuk mendapat perkhidmatan mereka; dan
- b) Adakah Robert De Niro sudah bersetuju untuk membetulkan dan mempromosi imej Malaysia kepada Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mempromosikan industri pelancongan, salah satu strategi Kementerian Pelancongan ialah dengan melantik tokoh atau selebriti terkenal sebagai “Duta Pelancongan Malaysia”. Kriteria perlantikan adalah berdasarkan kepada nilai komersial dan imej tokoh dari kaca mata peminat global.

Pada ma^a ini, Malaysia cuma ada seorang duta pelancongan iaitu Encik Michael Wong yang digunakan sebagai ‘*talent*’ dalam kempen iklan bagi pasaran China, Hong Kong dan Taiwan. Beliau adalah seorang penyanyi dari Ipoh, Perak dan perlantikannya adalah bagi tempoh tiga (3) tahun bermula dari 4 April 2008 sehingga 31 Disember 2011 yang melibatkan kos ‘*endorsement fees*’ berjumlah RM100,000.00. Selain dari penampilan dalam iklan, beliau turut mempromosi Malaysia dalam beberapa persembahan konsert yang dianjurkan oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Kunjungan ke Malaysia oleh Encik Robert de Niro, seorang pelakon, pengarah dan penerbit filem Hollywood terkenal di Amerika Syarikat dari 22 hingga 28 Julai 2010 adalah diatas urusan persendirian.

Lawatan julung kali beliau ini adalah lanjutan daripada pertemuan dengan beberapa orang tokoh dan ahli korporat negara semasa program *Faces of 1 Malaysia* dan *GALA Dinner* yang telah diadakan di New York dalam bulan April 2010.

Kunjungan beliau adalah secara persendirian dan bukan atas tujuan untuk berkhidmat mempromosikan Malaysia. Oleh yang demikian, tiada upah atau bayaran kepada beliau untuk datang ke Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED**
 [PULAI - BN]

TARIKH **8 DISEMBER 2010 (RABU)**

SOALAN NO. 15

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan sektor sukan negara yang mampu biaya dan komersial dan sekali gus mengurangkan pergantungan sektor sukan kepada peruntukan Kerajaan.

JAWAPAN

1. Inisiatif strategik yang dirancang untuk membangunkan sektor atau industri sukan agar mampu biaya dan komersial adalah seperti berikut:
 - i. Menggalakkan badan-badan sukan, badan korporat, pihak swasta dengan kerjasama erat agensi kerajaan untuk menggiatkan perkitaran sukan termasuk budaya bersukan di kalangan masyarakat yang menyokong pembangunan industri sukan;

SULIT

- ii. Mempertingkatkan penyertaan penggerak industri bagi pengeluaran produk, perkhidmatan dan kemudahan sukan untuk permintaan tempatan dan eksport;
- iii. Meningkatkan pembangunan dan penyelidikan (R & D) melalui insentif yang sesuai;
- iv. Mencipta peluang-peluang baru dalam industri sukan yang masih belum diteroka sepenuhnya;
- v. Mempertingkatkan dan mempelbagaikan strategi pemasaran dan promosi produk, perkhidmatan dan kemudahan sukan negara; dan
- vi. Merangsang pelancongan sukan melalui penganjuran acara-acara sukan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]

TARIKH SOALAN : 8 DISEMBER 2010

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan selain dari isu perlombongan pasir yang digembar gemburkan oleh media perdana di Selangor, adakah perkara serupa berlaku di negeri-negeri lain seperti di Johor dan Perak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perlembagaan Persekutuan melalui Senarai Kedua dalam Jadual Kesembilan memperuntukkan bahawa urusan tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Di bawah peruntukan Seksyen 426 Kanun Tanah Negara, tindakan penguatkuasaan ke atas pengalihan bahan batuan (termasuk pasir) secara tidak sah adalah di bawah bidang kuasa Pentadbir Tanah Negeri-negeri berkenaan.

Oleh itu, adalah jelas bahawa isu perlombongan pasir yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATUKCHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH 8 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN:

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:

- (a) bagaimana Kementerian dapat memastikan para pelanggan syarikat telekomunikasi atau pengguna khidmat sms dan telefon bimbit dapat memelihara hak kerahsiaan mereka berikutan berlakunya kes Puan Noor Haslina Abdullah di mana salinan transkrip SMS dan perbualan telefon bimbit beliau sengaja dihantar kepada diri beliau; dan
- (b) apakah tindakan penguat kuasa yang akan diambil oleh Kementerian terhadap syarikat telekomunikasi yang terbabit atas kesalahan yang dimaksudkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Hak kerahsiaan pengguna dapat dipelihara berdasarkan peruntukkan di bawah seksyen 234 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998). Peruntukkan ini jelas melarang

sebarang bentuk pemintasan dan pendedahan komunikasi dilakukan tanpa kebenaran yang sah di bawah AKM 1998 mengikut syarat-syarat yang dinyatakan.

- b) Mengenai kes ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membuka kertas siasatan atas dakwaan ini dan sedang menjalankan siasatan di bawah Seksyen 234 AKM 1998. Siasatan terperinci yang dijalankan di bawah seksyen ini adalah menjurus kepada pengenalpastian tentang wujudnya kesalahan jenayah yang dilakukan oleh mana-mana individu atau pemberi kemudahan perkhidmatan di bawah seksyen ini. Jika terbukti mana-mana individu yang disyaki melanggar seksyen ini mengikut bukti-bukti siasatan yang ada, maka tindakan pendakwaan boleh diambil dan jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman mandatori iaitu denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya di bawah seksyen yang sama.

SOALAN 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|------------|-------------------------------------------------------------------------------|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | YBhg. Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] |
| TARIKH | 8 Disember 2010 |

SOALAN:

YBhg. Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah ekonomi bagi golongan Bumiputera terjamin di dalam RMKe-10. Adakah Kerajaan telah membuat satu kajian mendalam, sektor bidang perniagaan yang mana golongan Bumiputera amat ketinggalan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program secara berterusan bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi. Ini dilakukan melalui pelbagai dasar dan instrumen termasuk program penswastan dan skim amanah saham. Hasil daripada usaha tersebut, Kerajaan telah berjaya meningkatkan pencapaian dan penyertaan ekonomi Bumiputera. Sebagai contoh, hak milik modal saham Bumiputera dalam syarikat berhad (pada nilai tara) telah meningkat daripada 2.4% pada tahun 1970 kepada 21.9% pada 2009.

Agenda pembangunan Bumiputera dalam RMKe-10 akan terus menjadi teras utama dalam dasar pembangunan negara. Pendekatan baru berasaskan empat prinsip utama, iaitu mesra

pasaran, berdasarkan keperluan, merit dan ketelusan akan digunapakai bagi mewujudkan penyertaan syarikat Bumiputera yang berdaya saing dan berdaya maju.

Bagi mencapai tujuan tersebut, beberapa inisiatif strategik telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam RMKe-10. Antara lain, meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera melalui penginstitutionan pemilikan serta memperkenalkan EKUINAS sebagai institusi pelaburan ekuiti swasta Bumiputera. Pemilikan dalam sektor hartanah komersial dan industri oleh Bumiputera akan juga dipertingkatkan melalui penubuhan Tabung Pelaburan Amanah Hartanah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga melalui pelbagai kementerian dan agensi telah mengenalpasti sektor dan bidang perniagaan yang mana golongan Bumiputera masih ketinggalan. Secara keseluruhannya, penguasaan Bumiputera masih rendah dalam hampir kesemua sektor ekonomi. Sebagai contoh, peratus hak milik modal saham (pada nilai par) dalam syarikat berhad Bumiputera bagi sektor pemborong dan peruncitan cuma 17.7% berbanding bukan Bumiputera sebanyak 45.5%.

Justeru, dasar kerajaan dalam RMKe-10 memfokus kepada penyediaan program pembangunan sosioekonomi Bumiputera berasaskan kepada 'segmented approach'. Pendekatan ini akan mengambil kira keperluan syarikat yang berbeza mengikut peringkat perkembangan perniagaan, samada mikro dan kecil; pembangunan dan pertumbuhan; dan matang. Ini adalah bagi memastikan penyertaan Bumiputera yang lebih kukuh dan menyeluruh di sepanjang rantai nilai, khususnya dalam sektor ekonomi yang strategik, berdaya maju dan berimpak tinggi.

Penekanan juga akan diberikan kepada penyertaan Bumiputera dalam kesemua aktiviti dalam *National Key Economic Areas (NKEA)*, *Entry*

Project Point (EPP) dan *Business Opportunity* (BO) yang telah dikenalpasti bagi memastikan Bumiputera tidak terpinggir dari sebarang peluang dalam sektor berkenan dan seterusnya melonjakkan pencapaian dalam ekonomi.

SOALAN NO: 19

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

DATUK IR. ONG TEE KEAT [PANDAN]

TARIKH

8 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan

(a) mengapa Kementerian tidak melaksanakan keputusan Jemaah Menteri agar membenarkan kaum nelayan dalam kategori Zon B menggajikan pekerja asing yang sah sebagai pembantu mereka mulai 1 Jun 2010; dan

(b) setakat ini berapa orang nelayan telah disabitkan kesalahan menggaji pekerja asing selepas 1 Jun 2010.

JAWAPAN

Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Tiada keputusan Jemaah Menteri seperti yang dimaksudkan oleh Y.B. Pandan yang membenarkan kaum nelayan dalam kategori Zon B menggaji pekerja asing yang sah sebagai pembantu mereka mulai 1 Jun 2010. Ketua Pengarah Perikanan, Setiausaha Politik Y.B. Datuk Ir. Ong Tee Keat dan wakil Persatuan Nelayan Sg. Besar pernah mengadakan pertemuan di Ibu Pejabat Perikanan, Putrajaya pada 4 Mei 2010 berikutan kenyataan sebuah akhbar berbahasa Cina pada 10 April 2010 mengenai perkara ini. Dalam perjumpaan tersebut Jabatan Perikanan telah menjelaskan tentang dasar Jabatan dan juga sebab- sebab penggunaan kru warga asing tidak dibenarkan di Zon B.
- (b) Bagi tempoh Jun hingga September 2010, sejumlah 95 orang nelayan/ pengusaha (pemegang lesen vesel dan peralatan menangkap ikan) telah dikenakan kompaun kerana melakukan kesalahan menggaji pekerja asing tanpa permit dan maklumat terperinci seperti berikut:
- (i) vesel Zon A (Tradisi - pukot hanyut/ kail mengail) -19 buah;
 - (ii) vesel Zon B Pukat Tunda - 36 buah; dan
 - (iii) vesel komersial Zon C dan C2 - 40 buah.

SOALANNO. : 20

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]

TARIKH 8 DISEMBER 2010

SOALAN :

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang usaha penanaman kayu bakau dan pemuliharaan hutan kayu bakau yang menjadi penampan secara semula jadi kepada kemungkinan tsunami.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan program penanaman pokok-pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di pesisiran pantai semenjak tahun 2005, selepas insiden *Tsunami* pada akhir tahun 2004. Program ini bertujuan untuk memelihara dan memulihara kawasan pesisiran pantai sebagai zon penampan yang stabil untuk melindungi penduduk-penduduk pesisiran pantai serta mengurangkan kemusnahan pukulan ombak besar (*Tsunami*), hakisan dan tiupan angin kencang. Di samping itu, ianya merupakan habitat semulajadi bagi kepelbagaian biologi dan sumber ekonomi kawasan di pesisiran pantai negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM39 juta untuk melaksanakan program tersebut. Dari tahun 2005 hingga September 2010, seluas 2,120.0 hektar kawasan pesisiran pantai negara telah ditanam dengan 5.8 juta pokok. Usaha-usaha penanaman pokok tersebut akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PAD A

YB TUAN KAMALANATHAN A/L

PANCHANATHAN (BN) (HULU SELANGOR)

TARIKH

8 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan (BN) (Hulu Selangor) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa buat masa ini duit kebajikan minima yang dihulurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah RM50 dan RM80. Memandangkan kos kehidupan

SOALAN NO. 21

seharian yang kian meningkat mampukah pihak Kementerian meningkatkan had minima ini ke sekurang-kurangnya RM 120/150 sebulan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada kumpulan sasarannya. Perkhidmatan Bantuan Kebajikan merupakan tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan Negeri mengikut ketetapan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dibawah Senarai 3-Jadual Kesembilan Senarai Perundangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar bantuan kebajikan sebanyak RM50 dan RM80 tersebut merupakan skim bantuan negeri di mana kadarnya ditetapkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Berbeza dengan skim bantuan persekutuan, kadarnya adalah berdasarkan ketetapan Kerajaan Persekutuan.

Memandangkan kadar bantuan negeri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri maka tanggungjawab bagi mengkaji semula kadar semula bantuan adalah bergantung kepada kemampuan kewangan negeri berkenaan dengan mengambil kira keperluan semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATO* ABD. KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH 8 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN :

Tan Sri Dato¹ Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan negeri Selangor tidak disebut langsung dalam perancangan pembangunan "Greater Kuala Lumpur" sedangkan sebahagian besar rancangan tersebut melibatkan Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang Jaya dan Shah Alam. Adakah ini bermotifkan politik serta bertujuan menafikan sumbangan negeri Selangor terhadap pembangunan ekonomi negara.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Amat tidak tepat sekali kenyataan YB Bandar Tun Razak yang mengatakan negeri Selangor tidak disebut langsung dalam perancangan "Greater KL". Pertama sekali, nama rasmi NKEA tersebut akan menggunakan istilah "Greater KL/Klang Valley". Ini dapat menunjukkan bahawa kawasan-kawasan di persekitaran Selangor juga akan termasuk dalam program-program Kerajaan dan membuktikan bahawa YAB Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional amat mementingkan sifat

keterangkuman.

Tambahan pula, Projek-projek Permulaan (Entry Point Project/EPP) yang telah dikenalpasti oleh makmal Greater KL/Klang Valley tersebut akan mendatangkan pelbagai faedah secara langsung dan tidak langsung (*spill on effect*) kepada Negeri Selangor.

Ini sama sekali dapat menunjukkan Program Transformasi Ekonomi melalui makmal-makmal yang dilaksanakan tidak mempunyai sebarang motif atau unsur politik dan hanya memberi fokus terhadap pembangunan ekonomi negara selaras dengan Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia ke-10 demi mencapai Wawasan 2020.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN LISA
N

DARIPADA DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG
BESAR]

TARIKH 8 DISEMBER 2010

SOALAN

**Dato* Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah dasar-dasar yang berkesan dan
menyeluruh yang telah dilaksanakan dalam proses "adaptation" (penyesuaian),
bagi menyediakan rakyat menghadapi bencana alam, dalam suasana perubahan
iklim (climate change) yang sedang melandai dunia pada hari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu perubahan iklim
secara bersepadu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah merangka
Dasar Perubahan Iklim Negara. Dasar ini digubal bagi mengarusperdanakan
usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai kementerian dan agensi dalam
mengambil tindakan menangani isu perubahan iklim. Matlamat utama dasar ini
ialah untuk memastikan pembangunan yang berdaya tahan terhadap perubahan
iklim bagi memenuhi aspirasi negara dalam menerajui kelestarian. Dasar ini juga
melengkapi dasar-dasar yang sedia ada dan turut mengambil kira prinsip-prinsip
konvensyen antarabangsa di peringkat global.

Tumpuan dasar ini adalah kepada langkah-langkah mitigasi dan adaptasi,
pembangunan teknologi dan keupayaan institusi. Bagi menyelaraskan usaha-

usaha ini, Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri kita telah ditubuhkan.

Objektif Dasar Perubahan Iklim Negara adalah untuk:

- i. Mengarusperdanakan perubahan iklim melalui pengurusan sumber yang bijaksana dan pemuliharaan alam sekitar yang dipertingkatkan untuk memperkukuhkan daya saing ekonomi dan kualiti hidup;
- ii. Mengintegrasikan respons bagi memperkuatkan daya tahan pembangunan terhadap perubahan iklim yang semasa dan yang dijangka ke dalam dasar nasional, pelan dan program negara; dan
- iii. Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan untuk memanfaatkan peluang baru dalam mengurangkan impak negatif perubahan iklim.

Antara langkah-langkah adaptasi yang telah diambil untuk menangani isu perubahan iklim termasuk:

- i. Menjalankan kajian *Coastal Vulnerability Index (CVI)* yang boleh menjadi asas ketika mengambil langkah-langkah bagi menangani kesan kenaikan paras air laut kepada kawasan pesisiran pantai;
- ii. Menjalankan program mengukuhkan pesisiran pantai termasuk menanam pokok-pokok bakau sebagai usaha menangani kesan kenaikan paras air laut dan pukulan ombak;
- iii. Melaksanakan program kawalan banjir seperti Projek *Stormwater Management and Road Tunnel (SMART)*; dan
- iv. Membangunkan pengurusan zon pesisiran pantai bersepadu (*Integrated Coastal Zone Management*).

Sekian, terima kasih.

NO:24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

YB. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH]

TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT

08DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

NO. 24

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan kajian pihak kementerian, apakah sebab sebenar masalah bekalan air bersih belum dapat diselesaikan sepenuhnya di negeri Kelantan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah utama yang dihadapi dalam pembekalan air bersih di Negeri Kelantan adalah disebabkan kekangan kewangan yang dihadapi oleh operator perkhidmatan bekalan air, Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) untuk menyedia, menaik taraf dan menyelenggara sistem bekalan air yang menelan kos yang tinggi. Keadaan ini telah menyebabkan AKSB menghadapi masalah untuk memastikan liputan bekalan

air bersih yang menyeluruh dan berkualiti di negeri Kelantan.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mencadangkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Kelantan untuk membolehkan AKSB beroperasi secara *asset light*, dengan izin, di mana kos bagi perbelanjaan modal atau *Capital Expenditure* (CAPEX), dengan izin, bagi menyedia, menaik taraf dan menyelenggara aset bekalan air akan ditanggung oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Melalui penstrukturan semula ini juga, AKSB akan berhijrah kepada rejim pelesenan. Di bawah pendekatan ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan mengawal selia operasi Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) supaya ia lebih cekap dan berdaya maju serta dapat membekalkan air yang mencukupi dan berkualiti kepada para pengguna air di negeri Kelantan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN DATO' SERI ONG
KA CHUAN [TANJONG MALIM]

TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN
RAKYAT

8 DISEMBER 2010 (RABU)
NO. 25

SOALAN

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

- (a) status perkembangan pelaksanaan *Green Building Index* (GBI) untuk bangunan bukan kediaman. Berapakah jumlah bangunan yang telah mendapat pensijilan GBI sepenuhnya sehingga Jun 2010; dan
- (b) usaha untuk mendapat pensijilan GBI melibatkan tambahan kos. Oleh itu, apakah tindakan yang telah atau akan diambil untuk mengurangkan beban peningkatan kos ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian saya telah dimaklumkan bahawa pelaksanaan penarafan *Green Building Index* (GBI) untuk bangunan bukan kediaman adalah amat menggalakkan. Sehingga September 2010, sebanyak 64 bangunan bukan kediaman telah memohon untuk mendapat penarafan bangunan hijau berdasarkan alat penarafan *Green Building Index* (GBI). Adalah dijangka jumlah ini akan bertambah daripada pihak pemaju untuk mendapatkan penarafan

bangunan hijau bagi bangunan baru yang akan dibina. Jumlah keseluruhan bangunan yang telah mendapat pensijilan GBI sepenuhnya sehingga Jun 2010 adalah sebanyak tujuh (7) buah bangunan yang merangkumi bangunan kediaman dan bangunan bukan kediaman.

Penarafan bangunan untuk mencapai status bangunan hijau menggunakan *Green Building Index* adalah secara sukarela (*voluntary basis*). Yuran pendaftaran dikenakan adalah mengikut keluasan lantai bangunan bagi pensijilan GBI mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Proses pensijilan GBI melibatkan kerja-kerja penilaian yang terperinci dan mengambil masa yang tertentu sebelum sebuah bangunan memperoleh penarafan platinum, emas, perak atau layak mendapat sijil sahaja. Pada peringkat permulaan, fasilitator GBI perlu dilantik bagi membuat penilaian terhadap bangunan seawal peringkat reka bentuk sehingga pembinaan berakhir berdasarkan elemen bangunan hijau. Yuran fasilitator adalah mengikut pasaran dan ini perlu dikawal/dipantau supaya fasilitator GBI tidak mengenakan yuran yang terlampau yang akan membebankan industri binaan.

Dalam hal ini, Kementerian saya sentiasa berhubung rapat dengan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dan mendapat kerjasama *Malaysian Green Building Confederation* (MGBC) mengenai pelaksanaan GBI. MGBC sedang menyediakan satu garis panduan penetapan yuran fasilitator GBI supaya satu sistem yang baik dan berkesan disediakan yang akan dapat mengelakkan fasilitator GBI mengenakan yuran yang tinggi kepada klien mereka. Pihak GBI Sdn Bhd telah memaklumkan kepada Kementerian saya bahawa, pihaknya akan sentiasa menyemak semula yuran pendaftaran GBI selaras dengan peningkatan nilai ringgit supaya yuran GBI kekal lebih rendah dari yuran penarafan bangunan hijau yang ada di negara-negara lain.

SOALAN (26)

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A : Y.B. TUAN GOBINDSINGH DEO
(PUCHONG)
TARIKH : 8 DISEMBER 2010
(RABU)

SOALAN

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilangan balai polis dan bomba yang terdapat di kawasan Parlimen Puchong serta berapa ramai pegawai serta kenderaan sama ada kereta peronda dan kereta bomba yang ada serta sama ada ianya mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan Parlimen Puchong mempunyai sebuah Balai Bomba dengan 30 orang anggota. Bagi tujuan operasi penyelamat, Balai ini dilengkapi sebuah jentera Fire Rescue Tender

dan 2 kenderaan utiliti. Dengan keanggotaan dan peralatan kelengkapan yang sedia, Balai Bomba dan Penyelamat, Puchong berkeupayaan untuk menampung keperluan perkhidmatan kebombaan di kawasan Parlimen Puchong dengan baik.

Sebagai makluman kepada Ahli yang Berhormat, maklumat mengenai balai polis di Parlimen Puchong adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN). Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada KDN, kawasan Parlimen Puchong mempunyai 5 balai polis dengan bilangan pegawai seramai 25 orang dan anggota pangkat rendah seramai 451 orang. Kelima-lima Balai Polis ini memiliki 40 buah kenderaan dan senarai balai-balai tersebut adalah seperti berikut:

- 1) **Balai Poll's Serdang;**
- 2) **Balai Poll's Seri Kembangan;**
- 3) **Balai Polis Puchong;**
- 4) **Balai Polis Sungai Besi Indah;**
- 5) **Balai Polis Bandar Puteri.**

**Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**

Disember 2010

NO. AUM : 38

NO. AUP: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
NEGARA

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN

TARIKH DATUK JUSLIE BIN AJIROL 8 DISEMBER 2010 3144

RUJUKAN

SOALAN

Datuk Juslie bin Ajirol (Libaran) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa tiada tindakan menaiktaraf 10 depoh tahanan imigresen di seluruh Negara hingga menimbulkan persoalan mengenai tahap keselamatan pusat berkenaan yang mewarisi bangunan tinggalan pangkalan Unit Kawalan (UKK) sejak awal 70-an.

JAWAPAN :

Tuan yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, Kementerian sentiasa mengambil tindakan untuk memperbaiki dan menaiktaraf Depot-Depot Tahanan sedia ada. Untuk tahun ini sahaja empat buah Depot Tahanan sedang di bina bangunan baru yang dijangka siap pada hujung tahun 2010. Empat buah Depot tersebut adalah seperti berikut:

- a. Depot Tahanan Imigresen Semenyih, Selangor (RM 9.4 juta).
- b. Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan (RM4.4 juta).
- c. Depot Tahanan Imigresen Macap Umboo, Melaka (RM8.4 juta).
- d. Depot Tahanan Imigresen Pekan Nenas, Johor (RM8.55 juta).

Di bawah Rancangan Malaysia Ke 10 (2011-2012) , sebanyak tiga buah Depot Tahanan telah diluluskan untuk dinaik taraf iaitu :

- a. Depot TahananImigresen Belantik, Kedah (RM 30.2 juta)
- b. Depot TahananImigresen Kemayan, Pahang. (RM 37.7 juta)
- c. Depot TahananImigresen Tanah Merah, Kelantan. (RM 18.6 juta)
- d. Peruntukan juga diluluskan sebanyak RM 11.8 juta untuk tambahan bagi tiga buah depot iaitu Lenggeng, Machap Umboo dan Pekan Nenas.

Sebanyak tiga depot lagi iaitu Juru, Langkap dan Semuja juga dipohon untuk dinaikkan taraf di bawah RMK10.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]

TARIKH 8 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah perincian Model Baru Ekonomi tidak dibentangkan lagi sebagaimana yang dijanjikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang sedia maklum, YAB Perdana Menteri telahpun melancarkan Laporan Model Baru Ekonomi, Bahagian Akhir pada hari Jumaat lepas iaitu pada 3 Disember 2010. Langkah pertama selepas Laporan Bahagian Pertama diterbitkan pada 30 Mac 2010, adalah melakukan analisa dan penilaian ke atas ekonomi Malaysia dalam mengenalpasti apa yang kurang dan apa yang menghalang pertumbuhan. Langkah seterusnya adalah untuk menyenaraikan perkara yang perlu diperbaiki. Ahli-ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) telah mengadakan rundingan dengan semua stakeholder dari pelbagai peringkat masyarakat, ahli politik, kerajaan (termasuk

Persekutuan dan Negeri), sektor swasta, NGOs, Dewan Perniagaan, pihak-pihak luar negeri sehinggalah ke peringkat orang awam. Bagi MPEN merentasi pelbagai kepentingan yang berbeza, keperluan dan nilai serta memenuhi kehendak setiap stakeholder, bukan satu misi yang mudah. Prinsip yang menjadi pedoman tidak boleh bersandarkan kepada 'kepentingan awam diutamakan daripada kepentingan beberapa individu' tetapi perlu disandarkan kepada 'kepentingan awam berasaskan kesaksamaan dan adil'. Keperluan menimbang semua kepentingan wujud pada setiap peringkat kerja kerana tidak ada satu isupun yang dilihat mudah. Pilihan keputusan yang tepat perlu dibuat dari kalangan pilihan-pilihan yang sedia ada. Beban yang dipikul oleh majlis bagi setiap keputusan akan memberi impak kepada perbelanjaan negara serta mata pencarian individu. Oleh itu, amatlah jelas bahawa proses menggubal langkah-langkah dasar bagi melaksanakan Inisiatif- inisiatif Pembaharuan Strategik yang dicadangkan oleh MPEN memerlukan pengkajian dan penelitian yang rapi dan mendalam sebelum ia dimuktamadkan sebagai satu cadangan kepada Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

TARIKH 8 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

Dato' Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejak akhir-akhir ini, terdapat segelintir masyarakat yang sudah berani menderhaka kepada Sultan dan Raja. Apakah usaha dalam memperkasa kekebalan institusi Raja-Raja Melayu supaya masyarakat terus mendaulatkan Raja sebagai hierarki paling tinggi.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ **SOALAN NO: 31**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada sudah mencukupi untuk melindungi dan memperkasa kekebalan institusi Raja- Raja Melayu. Dalam kes individu yang menghina dan memperlekehkan institusi Raja-Raja Melayu, Kerajaan mengambil pendekatan tidak akan bertolak ansur dalam perkara tersebut dan telah pun mengambil langkah yang tegas dengan mendakwa beberapa individu yang terlibat.

Pendakwaan yang telah dibuat adalah di bawah Akta yang berikut:

- (a) bagi kesalahan di bawah perenggan 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 [Akta 75] kerana menyebut kata-kata menghasut.
- (b) bagi kesalahan di bawah perenggan 233(1)^ Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], iaitu menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar membuat, mewujudkan atau meminta-minta dan memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati.menganiayai, mengugut atau mengganggu orang dan boleh dihukum di bawah subseksyen 233(3) Akta yang sama.

Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(c) bagi kesalahan di bawah perenggan 292(1)(a) Kanun Keseksaan [Akta 574), iaitu mengedar komen lucah mengenai Sultan Perak dan boleh dihukum menurut seksyen 292 yang dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama dan sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tempoh tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, seksyen 121, 121A dan 121B Kanun Keseksaan juga memperuntukkan undang-undang untuk memelihara kedaulatan dan keselamatan Yang di-Pertuan Agong atau Raja, iaitu kesalahan berperang, cuba berperang, menyubahati perang melawan, membayangkan, merancang niat membunuh, mencederakan atau menggulingkan Yang di-Pertuan Agong atau Raja yang boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup dan denda.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 8 DISEMBER 2010

DARI PADA YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kos penyelenggaraan dan kos sewa yang dibayar oleh Kerajaan untuk memelihara PUTRAJAYA, kediaman Perdana Menteri serta Timbalan Perdana Menteri setiap tahun dari 2000 hingga 2010.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon keizinan untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah kos penyenggaraan dan sewa bagi kediaman Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sahaja oleh sebab kos senggara dan sewaan untuk memelihara Putrajaya adalah di bawah pengurusan Perbadanan Putrajaya.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos penyenggaraan kediaman rasmi YAB Perdana Menteri serta YAB Timbalan Perdana Menteri mulai tahun 2000 sehingga 2010 adalah berjumlah RM27,184,343.90 iaitu RM16,977,007.90 untuk Sri Perdana dan RM10,207,336.00 bagi Sri Satria. Manakala jumlah kos sewaan dengan Perbadanan Putrajaya bagi kedua-dua kediaman rasmi berkenaan adalah berjumlah RM64,610,020.47 iaitu RM43,996,687.50 bagi Sri Perdana dan RM20,613,332.97 bagi Sri Satria untuk tempoh yang sama.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARI PADA**

LISAN

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @
WILFRED (TUARAN)**

TARIKH

8 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING

@ WILFRED minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membendung sentiment perkauman yang menjadi-jadi sekarang ini.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Sememangnya, sejak tahun 2006, beberapa isu dan insiden yang melibatkan kaum dan agama telah muncul yang mencetuskan perbahasan hangat, pelbagai bentuk reaksi dan demonstrasi, yang terus berlansung selepas Pilihanraya Umum Ke-12 pada Mac 2008. Tambahan pula, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membolehkan berita dan cerita yang sensasi, termasuk kata-kata provokasi dari pihak- pihak tertentu, disebarkan secara meluas dan menimbulkan persepsi dan perasaan negatif yang berbeza-beza serta menjejaskan hubungan kaum.

Mengambil kira perkembangan yang kurang sihat ini, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, sebaik sahaja dilantik menjadi Perdana Menteri pada bulan April 2009, telah dengan tegas, jelas dan giatnya memacu Gagasan 1 Malaysia. Gagasan 1 Malaysia yang berpaksikan Perlembagaan Persekutuan adalah bertujuan untuk terus memupuk persefahaman dan perpaduan secara lebih jitu dan rapat, dengan mewujudkan kesedaran dan sikap positif supaya dapat menerima, menghormati bahkan meraikan kepelbagaian masyarakat Malaysia yang majmuk ini.

Gagasan 1 Malaysia telah juga menetapkan komitmen supaya Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan untuk menyampaikan hasil yang positif dan konkrit kepada rakyat, melalui Program Transformasi Kerajaan (PTK) yang bertujuan menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih cekap dan cepat lagi. Dengan pendekatan secara berfokus, masalah-masalah seperti kemiskinan, jenayah, infrastruktur asas dan pendidikan sedang ditangani supaya mengurangkan jurang perbezaan di kalangan rakyat Malaysia, yang dapat membendung perasaan kurang puas dan sentimen negatif yang mungkin timbul dan bakal dihasut oleh pihak-pihak tertentu. Pendekatan pragmatik ini dijangka menyumbang kepada keharmonian antara golongan etnik dan agama, antara wilayah serta antara bandar dan luar bandar.

Berdasarkan kepada konsep keterangkuman (*inclusiveness*) dalam gagasan 1 Malaysia dan Model Baru Ekonomi (MBE), Kerajaan sedang dan akan terus melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat jelata dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang sosio-ekonomi secara berkesan dan bermakna supaya tidak ada yang terpinggir. Pelaksanaan konsep keterangkuman ini dijangka akan juga dapat meredakan perasaan kurang puas dan mengurangkan masalah hubungan kaum.

Langkah-langkah juga terus dipertingkatkan untuk menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial, melalui program-program konkrit seperti Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam kawasan-kawasan perumahan, Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara bagi remaja, Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah,

Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pendidikan tinggi serta pelbagai program interaksi untuk belia dan kaum wanita.

Saluran telah juga diwujudkan dan pelbagai program dilaksanakan untuk menggalakkan para wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama supaya berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat menangani secara lebih berkesan lagi isu-isu berkenaan agama dan kebudayaan. Tambahan pula, latihan diadakan untuk meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin Rukun Tetangga supaya mereka sanggup menguruskan dan menyelesaikan apa juga sengketa, dan berusaha mententeramkan keadaan tempatan di peringkat akar umbi.

Dasar-dasar dan langkah-langkah tersebut dijangka akan membendung sentimen perkauman dan keagamaan. Dalam konteks ini, kerajaan sememangnya sentiasa menggesa semua pemimpin politik dan pemimpin masyarakat supaya memainkan peranan yang positif serta mengelakkan kecenderungan untuk mempolitikkan atau mengeksploitasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik. Kerajaan bersedia mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang yang sediaada terhadap mereka yang sering dengan sengajanya mencetuskan isu-isu sensitif dan menjejaskan keamanan dan keharmonian, jikalau didapati perlu.

NO. SOALAN.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT
ISA[BACHOK]

TARIKH : 8 DISEMBER 2010(RABU)

SOALAN :

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah penstrukturan semula Mahkamah Syariah telah terhenti kerana terdapat perbezaan versi struktur mahkamah antara yang dicadangkan oleh Jabatan kehakiman Syariah Malaysia dan syor Jabatan peguam Negara. Sejauh manakah syor-syor ini dapat disatukan dan apakah status penstrukturan semula Mahkamah Syariah tersebut.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI) ¹

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penstrukturan semula Mahkamah

Syariah telah dirancang untuk menambah hirarki Mahkamah Syariah dan meningkatkan taraf perjawatan hakim Mahkamah Syariah bagi memenuhi kehendak semasa. Sehubungan itu, perbincangan secara mendalam sedang dirancang antara Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Peguam Negara untuk memperhalusi cadangan penstrukturan semula tersebut. Seterusnya, draf perancangan penstrukturan yang telah dimuktamadkan akan diangkat untuk perkenan Mesyuarat Majlis Raja-raja sebelum dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

FEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|-------------------|------------------------------------------------------|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | YB DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG) |
| TARIKH | 08.12.2010 (RABU) |

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh mana pembelajaran sastera, bahasa dan budaya dapat menyuntik jati diri dan semangat patriotism di kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Keputusan Kabinet pada 28 Mei 2003 membawa kepada cadangan penerapan sastera dan budaya dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Ianya dilaksanakan melalui Program Penghayatan Sastera dan Budaya (PPSB) dengan kerjasama oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Program selama tiga (3) hari ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian:

- a. **Pertama :** Sesi penghayatan puisi
- b. **Kedua :** Sesilatihan dan bimbingan/gerak kerja berkumpulan

c. Ketiga

Persembahan berkumpulan

Pengisian program ini dirangka dari segi afektif dan kognitif, iaitu emosi dan pemikiran. Pelatih dikhususkan dalam sesi penghayatan untuk mendengar, memahami dan menjiwai maksud puisi yang diperdengarkan. Disiplin dan jati diri pelatih dibentuk dan dikukuhkan melalui bimbingan semasa program ini berlangsung. Secara keseluruhannya, hasil Kajian Persepsi membuktikan bahawa PLKN telah berjaya meningkatkan jati diri di kalangan pelatih dengan pencapaian 91% pada tahun 2010 berbanding 83% pada tahun 2009 manakala pencapaian semangat patriotisme meningkat kepada 85% pada tahun 2010 berbanding 83% pada tahun 2009.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARI PADA DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN (PASIR
SALAK)

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH : 08.12.2010

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pelaburan Kerajaan Malaysia di luar negara dan pulangan yang di peroleh daripadanya.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menghadapi persekitaran global dan ekonomi yang lebih kompetitif, Kerajaan sentiasa memastikan semua pelaburan yang di buat terus berdaya saing dan memberikan kadar pulangan risiko yang sepatutnya diperoleh. Pelaburan Luar Negara dilihat sebagai salah satu indikator penting dalam mengembangkan pasaran dan meraih peluang-peluang pelaburan baru di luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat 30 September 2010, jumlah yang diluluskan untuk pelaburan luar negara KWSP adalah berjumlah USD 24,451 juta. Sejak dimulakan (*inception*) pada tahun 2006, jumlah pelaburan ini telah berkembang sebanyak lebih

kurang 10 hingga 11 peratus menjadi USD9.855 juta dengan purata kadar pulangan sebanyak 5.28 peratus setahun.

Bagi Pelaburan yang di buat oleh Khazanah, sehingga 31 Oktober 2010, 8.7% daripada portfolio pelaburan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) adalah pelaburan di luar negara, termasuk di Singapura, India dan China. Secara amnya, setiap pelaburan Khazanah di luar negara mempunyai nilai strategik kepada negara serta harus memberikan pulangan kewangan kepada Khazanah, selaku syarikat pelaburan milik Kerajaan. Sejak menerima mandat baru daripada Kerajaan pada 2004 hingga kini, pelaburan Khazanah di luar negara telah memberi pulangan secara purata sebanyak 18.4% setiap tahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
(LENGGONG)

TARIKH

8 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum sekarang. Apakah langkah Kerajaan bagi membendung pihak-pihak tertentu yang sengaja mencetuskan isu perkauman dalam Negara ini dan adakah Kerajaan bercadang mengkaji atau meminda mana-mana peruntukan dalam undang-undang bagi memastikan tiada pihak yang boleh mencetuskan isu perkauman dalam negara ini.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Walaupun negara Malaysia adalah jauh lebih aman dan tahap keharmonian lebih tinggi berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan pandangan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadang-kala mencetuskan perasaan tidak puas, prasangka, perselisihan dan sengketa, yang menjejaskan keamanan dan ketenteraman masyarakat. Beberapa kejadian pernah berlaku dalam sejarah negara kita sebelum dan selepas kemerdekaan yang mengakibatkan konflik dan rusuhan kaum di tempat-tempat tertentu. Tindakan tegas oleh pihak berkuasa dan kerjasama rakyat telah dapat mengawal dan memulihkan keadaan.

Sememangnya, sejak tahun 2006, beberapa isu telah juga muncul yang menimbulkan kebimbangan, kerisauan dan rasa tidak senang hati di antara kaum, seperti insiden-insiden yang melibatkan tempat ibadat, serta kenyataan dan tingkahlaku yang berbau perkauman dari anggota-anggota politik yang tertentu, yang telah mencetuskan pelbagai bentuk reaksi dan demonstrasi. Perbincangan mengenai isu-isu kaum dan agama terus berlangsung sebelum dan selepas Pilihanraya Umum Ke-12 pada Mac 2008. Tambahan pula, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membolehkan dan mengakibatkan berita dan cerita yang sensasi disebarluaskan secara meluas dan menimbulkan reaksi secara merebak.

Mengambil kira perkembangan yang kurang sihat ini, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, sebaik sahaja dilantik menjadi Perdana Menteri pada bulan April 2009, telah dengan tegas, jelas dan giatnya memacu Gagasan 1 Malaysia. Berpaksakan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, gagasan 1 Malaysia bertujuan untuk memupuk persefahaman dan perpaduan secara lebih jitu dan rapat, dengan sikap menerima dan menghormati kepelbagaian masyarakat Malaysia yang majmuk ini.

Gagasan 1 Malaysia telah juga menetapkan komitmen supaya Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan untuk menyampaikan hasil yang positif dan konkrit kepada rakyat, melalui Program Transformasi Kerajaan (PTK) yang bertujuan menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih cekap dan cepat lagi. Dengan pendekatan secara berfokus, masalah-masalah seperti kemiskinan, jenayah, infrastruktur asas dan pendidikan sedang ditangani supaya mengurangkan jurang perbezaan di kalangan rakyat Malaysia, yang dapat membendung perasaan kurang puas dan sentimen negatif yang mungkin timbul dan bakal dihasut oleh pihak-pihak tertentu. Pendekatan pragmatik ini dijangka menyumbang kepada keharmonian antara golongan etnik dan agama, antara wilayah serta antara bandar dan luar bandar.

Di samping itu, usaha telah dan sedang berlangsung untuk menangani beberapa isu antara kaum atau golongan yang rumit dan kompleks, yang telah lama berbahang sebelum 2009. Pengurusan isu-isu ini sememangnya akan mengambil masa dan memerlukan sikap positif, pendekatan yang membina dan sumbangan efektif dari semua pihak, khasnya pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat.

Dasar-dasar dan langkah-langkah tersebut dijangka akan membendung sentimen perkauman dan keagamaan. Dalam konteks ini, kerajaan sememangnya sentiasa menggesa semua pemimpin politik dan pemimpin masyarakat supaya memainkan peranan yang positif serta mengelakkan kecenderungan untuk mempolitikkan atau mengeksploitasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik. Kerajaan bersedia mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang yang sedia ada terhadap mereka yang sering dengan sengajanya mencetuskan isu-isu sensitif dan menjejaskan keamanan dan keharmonian, jikalau didapati perlu. Kerajaan sedang memantau keadaan samada kajian semula mana-mana undang-undang diperlukan.

Walau bagaimanapun, komitmen yang jujur dan usaha gigih YAB Dato' Sri dan barisan pemimpin telah menghasilkan sambutan rakyat yang kian meningkat dan suasana yang lebih positif berbanding dengan yang dahulu, yang dapat dibuktikan oleh dua petunjuk. Indeks Ketegangan Masyarakat atau *Societal Stress Index* (SSI) yang dibangunkan di atas inisiatif Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah meningkat dari 17 kes setiap sejuta penduduk pada tahun 2006 ke 20 dan 28 bagi tahun 2007 dan 2008. Akan tetapi SSI telah menurun ke 22 bagi tahun 2009 dan sekarang mencatat 17 bagi tiga sukutahun yang pertama bagi tahun 2010. Di samping itu, kedudukan Malaysia mengikut *Global Peace Index* (GPI) yang diukur oleh *Institute for Economics and Peace* di New Zealand setiap penghujung tahun telah meningkat dari tangga 37 pada tahun 2008 ke tangga 26 pada tahun 2009 dan seterusnya tangga 22 setakat pada Oktober 2010 ini.

SOALAN NO: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA : TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]

TARIKH : 8 DISEMBER 2010

SOALAN

TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta PERDANA

MENTERI menyatakan

(a) jumlah kes di mahkamah yang dibawa oleh SPRM sejak 2008 hingga September 2010 dan berikan butiran kes-kes yang berjaya dan gagal; dan

(b) apakah status sekarang dalam penyiasatan kes yang melibatkan En. Hasbie Satar, bekas Setiausaha Politik kepada bekas

Menteri Kewangan II, YB. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Antara tahun 2008 hingga September 2010, sejumlah 547 kes telah dibawa di mahkamah. Dalam tempoh yang sama juga peratusan kes perbicaraan awal yang menang adalah 69% sementara kes kalah adalah 31%. Manakala di peringkat rayuan pula, peratusan kes yang menang adalah 69% dan peratusan kes yang kalah adalah 31%. Statistik keputusan kes perbicaraan awal dan peringkat rayuan adalah seperti berikut:

| Perbicaraan Awal | | | Peringkat Rayuan | | |
|------------------------------------------|------------|------------|------------------------------------------|------------|------------|
| Tahun | Menang | Kalah | Tahun | Menang | Kalah |
| 2008 | 75 | 25 | 2008 | 43 | 20 |
| 2009 | 94 | 52 | 2009 | 102 | 44 |
| 2010 (Sehingga bulan September) | 164 | 75 | 2010 (Sehingga bulan September) | 85 | 44 |
| JUMLAH | 333 | 152 | | 240 | 108 |

(b) Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas kes yang dibangkitkan itu telah pun selesai dijalankan. Kertas siasatan kini dalam kajian Timbalan Pendakwa Raya.
Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE

TARIKH 8 DISEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

Dato¹ Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta PERDANA MENTERI

NO. SOALAN: 3^

menyatakan berapa ramai pengamal undang-undang yang berdaftar di negara ini dan berapa ramai pula yang dikenakan tindakan undang-undang serta tata tertib hingga membawa kepada pembatalan (Struck Off) di bawah Akta Profesion Guanian 1976 [Akta 166].

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDULAZIZ!
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERU

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Majlis Peguam Malaysia, jumlah pengamal undang-undang yang berdaftar di negara ini, iaitu yang mempunyai Sijil Amalan Guaman, sehingga 19 Oktober 2010 ialah seramai 13,268 orang.

Manakala jumlah perigamal undang-undang yang telah dikenakan tindakan undang-undang serta tata tertib hingga membawa kepada pembatalan daripada daftara (*struck off the Rolfs*) di bawah Akta

Profesion Guaman

1976 {Akta 166} dari tahun 2005 hingga 2009 ialah seramai 143 orang iaitu -

(a) dalam tahun 2005, seramai 44 orang;

(b) dalam tahun 2006, seramai 18 orang;

(c) dalam tahun 2007, seramai 22 orang;

NO. SOALAN: 3^

(d) dalam tahun 2008, seramai 31 orang; dan

(e) dalam tahun 2009, seramai 28 orang.

Statistik yang diperoleh daripada Majlis Peguam Malaysia dari tahun 1981 hingga 2010 juga menunjukkan bahawa seramai 300 orang peguam telah dibatalkan kelayakannya sebagai peguam bela dan peguam cara oleh Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam khususnya bagi peguam yang melakukan kesalahan membabitkan penyalahgunaan wang anak guam (*monetary dishonesty*).

Sekian, terima kasih.

DEWAN PEMBERITAHU PERTANYAAN
PERTANYAAN LISAN RAKYAT

DARI PADA Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)

TARIKH **08.12.2010**

SOALAN:

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan rasional di sebalik dasar kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh Integrasi yang terhad hanya kepada pelajar-pelajar dari Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan dan perancangan Kementerian untuk menambah jumlah SBPI memandangkan permintaan semakin bertambah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan kuota pemilihan murid ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP), kemasukan murid ke Tingkatan Empat (4) SBP adalah dalam kalangan calon dari Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan. Manakala kemasukan calon ke Tingkatan Satu (1) SBP, dipilih dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan. Ketetapan ini dibuat bagi memberi peluang kepada murid yang berada dalam aliran perdana untuk memohon SBP dan juga Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI). Langkah ini juga dapat merelisasikan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk memperkasa sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama ibubapa.

Buat masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak ada perancangan untuk menambah bilangan SBPI. Hal ini kerana pada dasarnya SBPI diwujudkan

sejak tahun 2003 adalah berasaskan kepada konsep penawaran kepada pelbagai aliran termasuklah aliran agama, aliran sains dan aliran teknikal dalam sesebuah sekolah. Pendekatan ini bertujuan untuk membangunkan golongan murid yang lebih dinamik, luas pemandangan, agar mereka mampu bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa. Namun, transformasi pendidikan yang dilakukan sekarang telah menyaksikan usaha KPM untuk menambah aliran dalam bidang agama dan sains di sekolah harian biasa dan aliran teknikal di Sekolah Menengah Teknik dan Voksional bagi memenuhi keperluan murid yang berminat dan berkeupayaan dalam bidang tersebut.

Rjm 111

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG

TARIKH: 8 DISEMBER 2010

SOALAN:

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapakah kuantum gaji minimum yang dicadangkan untuk pekerja-pekerja mahir dan tidak mahir dan bilakah ia dilaksanakan.

PR-1233-L40296

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- 1. Kerajaan serius dan komited dalam melaksanakan dasar Gaji Minimum di negara ini. Dasar ini bertujuan, antara lain, untuk meningkatkan gaji pekerja**

swasta di negara ini yang peningkatannya terlalu rendah sejak lebih 10 tahun yang lepas serta mengambil kira peratus pekerja yang mendapat gaji di bawah RM700 sebulan, iaitu 34 peratus daripada 1.3 juta pekerja yang dikaji di bawah *National Employment Return* (NER) pada tahun 2009. Seterusnya, Kerajaan berharap dengan pelaksanaan dasar ini, akan dapat meningkatkan taraf hidup pekerja mahir dan tidak mahir secara keseluruhannya.

2. Dalam hal ini, Y.A.B. Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2011 telah menyatakan persetujuan Kerajaan untuk melaksanakan sistem Gaji Minimum Kebangsaan. Kerajaan akan menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil majikan, kesatuan sekerja, agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik dan individu-individu berkepakaran. Majlis ini bertanggungjawab untuk mengenal pasti mekanisme pelaksanaan gaji minimum yang terbaik dari segi kadar gaji, liputan, sektor/industri yang akan terlibat dan sebagainya. Suatu Akta mengenai pelaksanaan gaji minimum dan penjalanan Majlis tersebut juga sedang digubal dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2011.

3. Majlis tersebut akan membuat konsultasi dengan semua pihak yang terlibat mengenai kuantum gaji minimum yang akan ditetapkan dengan mengambil kira aspek-aspek perlindungan kepada pekerja dan keupayaan syarikat serta kesan kepada pekerjaan dan ekonomi negara. Mekanisme pelaksanaan yang akan dicadangkan oleh Majlis tersebut akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan sebelum sebarang pengumuman dibuat.

4. Pihak Kementerian Sumber Manusia ketika ini sedang mengadakan perbincangan dengan semua *stakeholders* bagi menggubal akta gaji minimum kebangsaan. Pelaksanaan

gaji minimum perlu dibuat dengan berhati-hati kerana ia boleh memberi kesan ke atas ekonomi dan pekerjaan di negara ini sekiranya kadar yang ditetapkan terlalu tinggi. Contohnya Hong Kong yang baru-baru ini meluluskan undang-undang mengenai gaji minimum mengambil masa lebih 10 tahun membuat kajian dan pada masa ini pun Hong Kong masih belum melaksanakan gaji minimum.

PERTANYAAN : LISAN

NO. SOALAN : 40

DARIPADA Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim

[Bayan Baru]

TARIKH 8 Disember 2010 (Rabu)

SOALAN

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta
PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah laporan SUHAKAM tidak
dibahaskan di Dewan Rakyat.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZR1 AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Subseksyen 21(1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999

[Akta 597] memperuntukkan bahawa:

“Suruhanjaya hendaklah tidak terkemudian daripada mesyuarat pertama Parlimen bagi tahun berikutnya mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen mengenai segala aktiviti yang di sepanjang tahun yang dimaksudkan oleh laporan itu”

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Tahunan SUHAKAM Tahun 2009 telah diedarkan di Parlimen pada Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-12 yang bermula pada 15 Mac 2010. Laporan Tahunan SUHAKAM menyentuh pelbagai isu hak asasi di bawah tanggungjawab Kementerian/agensi berkaitan. Antara isu yang sering dilaporkan ialah berkaitan kebebasan beragama, keselamatan, pendidikan, pembaharuan undang-undang, undang-undang pencegahan dan penahanan tanpa bicara, anti pemerdagangan orang dan kumpulan minoriti.

Ahli Yang Berhormat boleh membangkitkan isu-isu berkaitan kepada Kementerian yang berkenaan sama ada melalui soalan lisan mahupun bukan lisan. Malah Ahli-ahli Yang Berhormat boleh pada bila-bila masa membangkitkan apa-apa isu yang dilaporkan kepada YB Menteri berkenaan semasa perbahasan Parlimen berjalan.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUP: Z|-|

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

| | |
|--------------|---------------------------------|
| PERTANYAAN : | LISAN |
| DARIPADA | DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] |
| TARIKH | 8 DISEMBER 2010 |
| RUJUKAN | 3145 |

PERTANYAAN :

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha Kerajaan di dalam mempertingkatkan kadar

NO. AUM: 44

pendaftaran MyKad di kalangan rakyat terutama di kawasan pedalaman dan bagaimana Kerajaan menangani masalah penyalahgunaan MyKad daripada terus menular.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menjalankan berbagai usaha bagi mempertingkatkan kadar pendaftaran MyKad di kalangan rakyat. Antara usaha-usaha kerajaan melalui Jabatan Pendaftaran Negara ialah program 'outreach' yang mendekati rakyat yang bermasalah seperti program MyDaftar, program Unit Mobile dan Program Unit Khas Bergerak (UKB) bagi penduduk pedalaman Sabah dan Sarawak. Masalah tiada dokumen pengenalan diri bagi penduduk Sabah dan Sarawak khususnya telah menjadi KPI Kementerian saya bagi diselesaikan sebelum berakhir tahun 2011.

Ingin saya jelaskan kepada dewan yang mulia ini, bahawa kerajaan sentiasa peka dan berusaha meningkatkan mutu dan tahap ciri keselamatan bagi MyKad bagi memendung masalah penyalahgunaan MyKad. Kementerian juga mempunyai pegawai- pegawai yang terlatih di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasa, Jabatan Pendaftaran Negara bagi mengesan dan mengambil tindakan sewajarnya bagi menangani masalah penyalahgunaan, penipuan dan pemalsuan Mykad.

NO. AUM : 31

NO. AUP : ^ /

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI [TITIWANGSA]

DARI PADA 8 DISEMBER 2010

TARIKH 3239

RUJUKAN
LISAN

SOALAN:

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah Kerajaan akan menggubal satu akta khusus untuk menangani amalan songsang hidu gam di kalangan kanak-kanak dan remaja, juga berapakah bilangan penghidu gam mengikut negeri-negeri, umur dan bangsa sejak 10 tahun lalu dan juga kesan jangka pendek dan jangka panjang amalan hidu gam tersebut terhadap pelakunya.

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Titiwangsa yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah penyalahgunaan gam di kalangan remaja dan kanak-kanak telah menuntut Kerajaan untuk menimbangkan keperluan mengadakan undang-undang berkaitan mengawal dan membanteras penyalahgunaan gam dan isu ini dari terus berleluasa. Kerajaan telah mengambil inisiatif bersama-sama Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan bagi mengadakan beberapa siri bengkel bertujuan untuk membincangkan undang-undang yang ingin diwujudkan. Draf Rang Undang-Undang Bahan Mengkhayalkan sedang disediakan untuk penelitian di peringkat akhir.

Buat masa ini, tidak terdapat tangkapan terhadap penyalahgunaan gam atau bahan mengkhayalkan kerana ianya bukan satu kesalahan di bawah undang-undang. Data pemantauan oleh pihak polis mengenai kes-kes penyalahgunaan gam seperti berikut:

STATISTIK KES-KES YANG DIKESAN OLEH POLIS BAGI TAHUN 2007 HINGGA TAHUN 2010

| TAHUN | JUMLAH KES-KES YANG DIKESAN OLEH POLIS | | BANGSA | | | | UMUR (TAHUN) | | | | JUMLAH IKUT TAHUN |
|--------|----------------------------------------|-----|--------|-----|-----|-----|--------------|-------|-------|----------|-------------------|
| | L | P | M | C | I | LL | Bawah 18 Thn | 18-30 | 31-40 | Lebih 40 | |
| 2010 | 1,694 | 26 | 1,547 | 53 | 58 | 62 | 107 | 794 | 656 | 163 | 1,720 |
| 2009 | 3,072 | 51 | 2,948 | 84 | 45 | 46 | 107 | 1,342 | 1,249 | 425 | 3,123 |
| 2008 | 2,333 | 29 | 2,271 | 47 | 27 | 17 | 69 | 1,016 | 1,001 | 276 | 2,362 |
| 2007 | 1,683 | 48 | 1,597 | 79 | 31 | 24 | 41 | 732 | 815 | 143 | 1,731 |
| JUMLAH | 8,782 | 154 | 8,363 | 263 | 161 | 149 | 324 | 3,884 | 3,721 | 1,007 | 8,936 |

Kesan penghiduan inhalan berbeza-beza bergantung kepada bahan dan dos yang dihidu. Kesan jangka pendek terhadap pelaku itu sendiri adalah sebaik sahaja ia dihidu, bahan psikoaktif di dalam inhalan akan segera diserap melalui paru-paru ke dalam peredaran darah dan tisu lemak otak yang menghasilkan kesan rangsangan yang tiba-tiba atau "*stimulating rush*", khayal, sedikit pening dan mabuk seperti mana mabuk akibat pengambilan minum beralkohol. Di samping itu, penagih juga akan berasa loya dan muntah. Jika muntah terjadi ketika pengsan, muntah tersebut akan menyekat saluran pernafasan dan boleh mengakibatkan kematian. Sekiranya wap inhalan disedut dalam jumlah yang banyak dalam suatu masa yang singkat, seseorang itu akan mengalami hilang kawalan diri, berkelakuan agresif serta tidak sedarkan diri.

Jika inhalan yang dihidu berkepekatan tinggi, kegagalan jantung dan kematian mengejut atau *Sudden Sniffing Death Syndrome (SSD)* boleh terjadi. Hiduan boleh membunuh samada ianya dihidu kali pertama ataupun sebaliknya.

Kesan jangka panjang terhadap pelaku inhalan boleh mengakibatkan pergantungan fizikal dan psikologi kepada penagih jika digunakan untuk beberapa hari atau lebih sepertimana penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan lain. Penagihan yang berterusan dalam jangka masa panjang boleh mengakibatkan kerosakan sel-sel otak yang kekal.